



## KENYATAAN MEDIA

### 12hb November 2022

#### **Global Bersih: Suruhanjaya Pilihan Raya mesti menjelaskan proses penghantaran undi pos ke luar negara; pengundi luar negara keliru dan tidak puas hati.**

Global Bersih menyeru Suruhanjaya Pilihan Raya untuk mengeluarkan satu kenyataan rasmi dengan serta merta untuk menjelaskan kaedah penghantaran undi pos yang telah digunakan untuk menghantar kertas undi rakyat Malaysia di luar negara.

Sebilangan besar rakyat Malaysia di seluruh dunia masih belum menerima undi pos mereka dan tidak tahu bila kertas undi mereka akan tiba. Beberapa pengundi bertuah telah menerima undi mereka manakala yang lain terpaksa menggunakan inisiatif sendiri untuk menjelaki kertas undi mereka. Melalui ‘app’ daripada kourier ini , mereka mendapat maklumat bahawa mereka akan menerima undi mereka pada, atau selepas hari pengundian pada 19 November. Di Jerman, seorang pengundi telah menerima undinya manakala seorang lagi, mengundi di kawasan yang sama, telah dimaklumkan bahawa kertas undi akan tiba pada 18hb November. Situasi penghantaran undi juga tidak sistematik dan tidak dapat diramalkan di negara lain.

Global Bersih menerima banyak pertanyaan, laporan dan aduan daripada pengundi luar negara yang jelas menunjukkan kekeliruan dan keimbangan akibat kekurangan penjelasan mengenai proses penghantaran undi. Adalah penting dan bahawa SPR membuat kenyataan umum untuk menerangkan proses yang telah digunakan supaya rakyat Malaysia di luar negara faham dan dapat bersedia untuk mencari kaedah yang paling sesuai untuk menghantar kertas undi mereka.

Global Bersih juga telah menerima maklumat bahawa kertas undi di Beijing telah dikuarantin selama seminggu, menjadikannya mustahil untuk pengundi mengembalikan undi mereka tepat pada masanya. Suruhanjaya Pilihan Raya digesa bekerjasama dengan agensi kerajaan lain untuk cuba menyelesaikan masalah ini dan isu-isu lain yang melambatkan penghantaran undi pos.

Global Bersih bekerjasama dengan Global Malaysian Network dan sukarelawan di seluruh dunia untuk membantu memastikan undi Malaysia di luar negara tiba tepat pada

masanya untuk dikira pada hari pengundian. Kami berterima kasih kepada, dan memuji, semua sukarelawan di Malaysia dan di luar negara yang telah bekerja siang dan malam untuk menjayakan perkara ini dengan menyampaikan maklumat, mengumpul, , mengedarkan dan mengembalikan kertas undi ke Malaysia.

Usaha besar ini adalah perlu kerana sistem pengundian semasa untuk rakyat Malaysia di luar negara adalah tidak berfungsi, menyebabkan ramai rakyat Malaysia di luar negara kehilangan hak mereka untuk mengundi, dan juga menjana kos penghantaran yang besar untuk kedua-dua pengundi dan kerajaan. Global Bersih menyeru Suruhanjaya Pilihan Raya untuk memastikan perkara ini tidak berulang dan melaksanakan pembaharuan yang dicadangkan oleh Global Bersih untuk menambah baik proses tersebut.

Global Bersih sedang menjalankan tinjauan untuk mengumpul data daripada rakyat Malaysia di luar negara yang akan digunakan untuk memperbaiki sistem pengundian luar negara dan menyeru rakyat Malaysia di luar negara untuk mengambil bahagian dalam tinjauan ini.

<https://form.jotform.com/223104121007030>

- Jawatankuasa Tindak Global Bersih-

Untuk Maklumat Lanjut :

Nirmala Devi Windgaetter  
Secretary General  
[nirmala.wind@globalbersih.org](mailto:nirmala.wind@globalbersih.org)  
+49 1722389665  
Global Bersih  
15 Cours des Bastions  
CH-1205  
Geneva, Switzerland  
[www.globalbersih.org](http://www.globalbersih.org)  
[facebook.com/GlobalBersih](http://facebook.com/GlobalBersih)  
[twitter.com/GlobalBersih](http://twitter.com/GlobalBersih)





